

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH NORMALA  
BINTI ABDUL SAMAD [ PASIR GUDANG ]**

**TARIKH : 25.5.2016 (RABU)**

**Puan Hajah Normala binti Abdul Samad [ Pasir Gudang ] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan langkah kawalan yang digunakan bagi membanteras nilai timbangan barang oleh peniaga pasar terutama barangan basah.**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Kementerian ini sentiasa melaksanakan langkah-langkah kawalan dalam membanteras penyelewengan nilai timbangan dan sukatan di pasar-pasar basah dengan melaksanakan pelbagai tindakan antaranya seperti berikut:

- (i) Melaksanakan pemeriksaan secara berkala dan mengejut di pasar-pasar borong, pasar utama dan pasar basah. Sepanjang tahun 2015 sebanyak 633,449 pemeriksaan ke atas premis di pasar telah dijalankan seluruh negara. Daripada jumlah tersebut 2,931 tindakan kes telah diambil di bawah Akta Timbang dan Sukat 1972 dengan keseluruhan nilai kompaun berjumlah RM 410,200. Manakala mulai 1 Januari hingga 30 April 2016 sebanyak 99,849 pemeriksaan dan telah menghasilkan 1,180 tindakan kes di bawah Akta yang sama dengan kompaun berjumlah RM207,030;
- (ii) Memastikan alatan timbang dan sukut seperti necara spring dan alat timbang elektronik yang selalunya digunakan oleh peniaga-peniaga di pasar dalam keadaan sempurna dan belum tamat tempoh penentusahannya;
- (iii) Kementerian juga ada menempatkan 100 buah Kaunter Khidmat Pengguna (K2P) di pasar-pasar utama seluruh Malaysia sejak bulan Julai 2013. Bertujuan untuk memberi kemudahan kepada pengguna yang berada di pasar membuat timbangan semula serta boleh menyalurkan sebarang aduan;
- (iv) Mengerakkan seramai 1,098 Pegawai Pemantau Harga (PPH) yang ada di seluruh negara untuk menjalankan pemantauan setiap hari di pasar-pasar;
- (v) Melaksanakan operasi bersepadu bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terutamanya dalam musim perayaan bagi memastikan peniaga mematuhi perundangan yang dikuatkuasakan; dan
- (vi) Kementerian turut mengadakan kerjasama dengan Persatuan Peniaga Pasar, pihak berkuasa di pasar-pasar basah dan kompleks perniagaan dalam memastikan undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Kementerian dipatuhi, beretika serta bersama menjaga kepentingan Pengguna.